

Lelaki dipenjara tujuh bulan selepas mengaku bersalah miliki harta curi

KUCHING: Seorang lelaki berusia 40 tahun dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki harta curi iaitu sebuah Perodua Kenari pada September lalu.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Yusmadi Osman yang didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksan.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 27 September 2025, sekitar jam 5 petang di sebuah rumah di Taman Peony, Jalan Matang di sini.

Fakta kes mendedahkan pengadu lelaki iaitu pemilik kenderaan tersebut dimaklumkan oleh pekerjaanya pada 31 Ogos 2025 bahawa kereta Perodua Kenari miliknya yang dalam keadaan berkunci serta diletakkan di hadapan kedai telah hilang.

Susulan itu, pengadu

melakukan semakan terhadap rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan mendapati terdapat tiga lelaki tidak dikenali telah mencuri kenderaan berkenaan sekitar jam 1.20 pagi hari sama.

Laporan polis dibuat dan siasatan polis membawa kepada penangkapan tertuduh di sebuah rumah pada 27 September 2025.

Semasa tangkapan dilakukan, polis turut merampas sebuah Perodua Kenari yang diletakkan di hadapan

rumah tersebut, disyaki telah dicuri.

Siasatan lanjut polis mendapati nombor casis kenderaan yang berada dalam milikan tertuduh adalah sama dengan milik kenderaan pengadu dan oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng sementara tertuduh tidak diwakili peguam.